

# 137 PATI kena tahan di tapak pembinaan

Lebih 12 rumah kongsi dengan anggaran 200 bilik diperiksa dalam Ops Sapu

Oleh Izz Laily Hussein  
bhnews@bh.com.my

**Johor Bahru:** Jabatan Imigresen Johor menahan 137 pendatang asing tanpa izin (PATI) dalam

operasi penguatkuasaan di tapak pembinaan di Jaya Putra di sini, tengah malam kelmarin.

Pengarah Imigresen Johor, Baharuddin Tahir, berkata operasi jam 12.38 tengah malam itu dilakukan susulan maklumat awam berhubung banjir pempatan warga asing di kawasan berkenaan yang mendatangkan kegusaran dan ketenteraman penduduk setempat.

“Dalam Ops Sapu itu, lebih 12 rumah kongsi dianggar melebihi 200 bilik diperiksa.

“Seramai 219 warga asing dan seorang warga tempatan diperiksa sebelum 137 daripadanya ditahan.



Sebahagian 137 PATI yang ditahan di kawasan tapak pembinaan di Jaya Putra, Johor Bahru, kelmarin.

(Foto ihsan JIM Johor)

“Mereka yang ditahan merangkumi 17 wanita dan 81 lelaki warga Indonesia, 19 lelaki warga Bangladesh, dua wanita dan 14 lelaki warga Myanmar, seorang wanita dan seorang lelaki warga Vietnam serta dua lelaki warga Pakistan yang semuanya berusia dalam lingkungan 18 hingga 55 tahun,” katanya menerusi kenyataan media, semalam.

Beliau berkata, mereka yang ditahan dipercayai melakukan kesalahan di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) kerana tidak memiliki pas atau permit sah untuk berada

di Malaysia dan dan Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) kerana tinggal lebih masa.

Katanya, seorang lelaki warga Indonesia disiasat di bawah Seksyen 56(1)(1) Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) kerana menggunakan atau memiliki pas lautan sosial palsu.

#### Tingkat penguatkuasaan

Baharuddin berkata, semua tahanan ditempatkan di Depot Imigresen Setia Tropika untuk siasatan dan tindakan lanjut.

Beliau berkata, usaha penguat-

kuasaan di seluruh Johor akan ditingkatkan bagi membanteras isu banjir PATI di negeri itu.

“Semua majikan yang sudah mendaftarkan PATI untuk program RTK 2.0 diminta segera menyelesaikan proses verifikasi bagi membolehkan proses urusan pengeluaran permit kerja sementara disempurnakan.

“PATI digalakkan menyertai Program Repatriasi Migran bermula pada 1 Mac sehingga 31 Disember 2024 yang membenarkan mereka pulang ke negara asal secara sukarela,” katanya.